

29 JAN 2000

JAM SWISS: POLIS SIASAT JIKA ADA LAPORAN

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Kes tuntutan RM12 juta oleh sebuah syarikat pembuat jam Swiss terhadap sebuah badan bukan kerajaan (NGO) akan disiasat jika polis menerima laporan mengenainya, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

Beliau berkata polis pasti menjalankan siasatan menyeluruh terhadap kes itu sekiranya ada pihak yang membuat laporan polis.

Norian berkata bagaimanapun setakat ini beliau masih belum mengetahui sama ada sudah ada laporan polis dibuat terhadap kes tuntutan RM12 juta itu.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar semalam bahawa jam tangan jenama terkenal itu, yang dikatakan tertera gambar dan tandatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bernilai RM40,000 setiap satu.

Menurut laporan itu sebanyak 300 jam tangan telah ditempah tanpa wang pendahuluan kerana NGO berkenaan menggunakan surat sokongan daripada seorang pemimpin kanan Pergerakan Wanita Umno yang kononnya sudah mendapat persetujuan Dr Mahathir.

Bagaimanapun Perdana Menteri dikatakan tidak mahu namanya digunakan dalam sebarang bentuk perniagaan dan apabila NGO berkenaan tidak dapat menjual jam itu, syarikat berkenaan meminta supaya jam itu dihantar balik dan mendakwa hanya menerima sebahagian daripada jumlah penuh jam itu.

Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata isu jam tangan berharga RM40,000 itu kini dalam siasatan.

-- BERNAMA

YBK NAK